

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXII)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

22. Wabak COVID-19 menunjukkan bahawa rekaan sesetengah pasar awam di Pulau Pinang tidak dapat menampung orang yang ramai atau mengawal aliran orang ramai apabila keadaan semasa memerlukan.
- (a) Adakah Pihak Berkuasa Tempatan akan menyediakan peruntukan khas untuk menaik taraf atau mengubahsuai rekaan pasar awam?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. (a) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pulau Pinang menyediakan peruntukan khas dari semasa ke semasa bagi kerja-kerja menaik taraf pasar awam. Walaubagaimanapun, kerja-kerja menaik taraf pasar awam ini bergantung kepada keperluan semasa dan keadaan di pasar itu sendiri. Bagi menampung aliran orang ramai yang menggunakan kemudahan pasar awam dan dengan wabak COVID-19 terhadap kemudahan awam ini, maka PBT akan mempertimbangkan peruntukan khas untuk menaik taraf dan mengubahsuai pasar awam dengan mengambil kira aspek reka bentuk *Universal Design* dan juga inisiatif bangunan hijau bagi projek-projek naik taraf pasar awam yang akan datang.